

SOALAN NO. 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pegawai lantikan secara kontrak dalam perkhidmatan awam yang telah dilantik secara tetap pada tahun ini seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan. Nyatakan juga jumlah penjawat awam yang masih berkhidmat sebagai pekerja kontrak sehingga kini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, bilangan pegawai kontrak dalam Perkhidmatan Awam adalah seramai 41,900 orang. Kerajaan melalui Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015, telah memutuskan bahawa pegawai lantikan secara kontrak (*contract of service*) yang telah berkhidmat 15 tahun atau lebih dan memenuhi syarat yang ditetapkan akan dilantik tetap.

Selaras dengan keputusan tersebut, sejumlah 11,359 pegawai kontrak telah memenuhi tempoh 15 tahun, di mana 173 pegawai perkhidmatan awam persekutuan telahpun selesai urusan pelantikan tetap manakala bakinya dalam proses tapisan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

Sekian, terima kasih.